



KEMENTERIAN KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN  
KERAJAAN TEMPATAN  
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
ARAS 2  
51 PERSIARAN PERDANA  
PRESINT 4,  
62100 PUTRAJAYA

Telefon : 03-88915000  
Faks : 03-88915557  
Kawat : "MINRUMAH"  
http : //www.kpkt.gov.my  
E-mel : [pro@kpkt.gov.my](mailto:pro@kpkt.gov.my)  
Twitter : [kpkt\\_gov](https://twitter.com/kpkt_gov)  
Facebook : Kementerian Perumahan dan  
Kerajaan Tempatan

---

Fail : KPKT/BPK/19/7/4 Klt.43 (36)

Tarikh : 16 Jun 2014

## SIARAN MEDIA

### INISIATIF PEMUTIHAN KAWASAN *BLACK SPOT* 2013-2015

**PUTRAJAYA, 16 JUN 2014** - " Peratusan merasa selamat penduduk kawasan *Black Spot* telah berjaya ditingkatkan kepada 61% berbanding sasaran 55% oleh GTP 2.0 bagi 2013", ujar Datuk Abdul Rahman Dahlan, Menteri Kesejahteraan Bandar Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) sewaktu mempengerusikan mesyuarat Jawatankuasa Pemandu Program Bandar Selamat ke 9 di Putrajaya pada petang ini. "Malahan kes pecah rumah juga telah menurun sehingga 51% berbanding 5% yang disasarkan oleh GTP 2.0 bagi tahun 2013, tegasnya lagi dalam mesyuarat Jawatankuasa Pemandu Program Bandar Selamat Peringkat KPKT ke 9 pada petang ini.

*Outcome* ini adalah bukti kerjasama *Smart Partnership* antara agensi yang telah memberikan impak di luar jangkaan dalam tempoh yang singkat. Melihat kepada kejayaan ini, KPKT telah memutuskan inisiatif ini diteruskan kepada 44 kawasan *Black Spot* yang baru yang melibatkan 39 PBT bagi 2014. Sebelum ini, pada tahun 2013, 20 kawasan telah dikenalpasti sebagai kawasan *black spot* yang melibatkan 17 buah PBT seluruh negara.

Pelan Pemutihan Black Spot dari 39 PBT ini melibatkan kerja-kerja penguatkuasaan (struktur bangunan dan gerai haram), penyelenggaraan, gotong-royong dan sebagainya. Ini melibatkan kerjasama dari AADK dengan penubuhan *Cure & Care Centre*, PDRM, Jabatan Imigresen, PBT, rondaan Rukun Tetangga, Persatuan Penduduk dan RELA.

Bagi tahun 2015, inisiatif ini akan mensasarkan 50 lagi kawasan *black spot* yang baru dengan peruntukan yang dibiayai oleh Kementerian Dalam Negeri selaku peneraju NKRA Mengurangkan Jenayah. KPKT mencadangkan agensi yang terlibat dalam pelaksanaan ini diberi peruntukan khas.

Bagi menangani kejadian jenayah di peringkat awal, KPKT menekan penerapan prinsip-prinsip Reka Bentuk Bandar Selamat atau *Crime Prevention Through Environmental Design* (CPTED). Konsep ini masih baru di Malaysia, KPKT giat memperhebatkan usaha-usaha bagi memastikan ianya diaplikasikan dalam permohonan pemajuan.

Kawasan *Black Spot* di bawah Program Bandar Selamat adalah merujuk kepada satu kawasan yang memberikan persepsi takut menjadi mangsa jenayah (*fear of becoming victim of crime*) walaupun kawasan itu tidak mempunyai kadar jenayah yang tinggi.

Program Bandar Selamat menumpukan kepada usaha-usaha untuk meningkatkan persepsi rasa selamat di kalangan masyarakat awam di kawasan *Black Spot* ini. Program Bandar Selamat kini telah berada dalam Program Transformasi Kerajaan (GTP) 2.0 (2013-2015) ini adalah selaras dengan halatuju NKRA Mengurangkan Jenayah GTP 2.0.

---

*Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) diterajui oleh Yang Berhormat Datuk Abdul Rahman Dahlan. Di bawah Kementerian ini terdapat 9 Jabatan iaitu Jabatan Perumahan Negara, Jabatan Kerajaan Tempatan, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia, Jabatan Lanskap Negara, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, Perbadanan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam, Tribunal Perumahan Pengurusan Strata dan Institut Latihan KPKT.*

Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat

b.p. Ketua Setiausaha

Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Telefon : 03-8891 5555

Faks : 03-8891 5557

E-mel : [pro@kpkt.gov.my](mailto:pro@kpkt.gov.my)